

Tingkatkan tahap keselamatan pengunjung di pusat membeli belah Guna khidmat polis



ABU Seman Yusop (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Pengurus Keselamatan Mid Valley, Ahmad Khushairi Rami (kiri) semasa melawat tempat letak kereta di Pusat Membeli Belah Mid Valley, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Mohamad Salleh (dua dari kanan) dan Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM

iasat beli-belah

s bantuan

U/M 31/1/12 MS 25

Oleh WAN NOOR HAYATI WAN ALIAS

penarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Julai - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mencadangkan para pengusaha pusat beli-belah di negara ini menggunakan khidmat polis bantuan berbanding pengawal keselamatan swasta bagi meningkatkan tahap keselamatan pengunjung di premis mereka.

Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abu Seman Yusop, ini kerana polis bantuan memiliki latihan asas kepolisan dan diberi kuasa untuk menahan penjenayah sebelum diserahkan kepada pihak berkuasa terbabit.

Katanya, khidmat polis bantuan lebih terjamin berbanding pengawal keselamatan swasta kerana mereka menjalani latihan kepolisan selama tiga bulan malah dipantau secara berterusan pihak polis.

“Selain itu, polis bantuan terdiri daripada rakyat negara ini manakala pengawal keselamatan swasta pula kebanyakan daripada warga asing yang berbeza budaya,” katanya pada sidang akhbar selepas menga-

dakan lawatan kerja di Pusat Beli-belah Mid Valley, di sini hari ini.

Turut mengiringinya, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Izany Abdul Ghany dan Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid..

Difahamkan, terdapat lebih 600 pengawal keselamatan swasta ditempatkan di Pusat Beli-belah Mid Valley dengan pengusaha premis kini dalam proses memohon khidmat polis bantuan sebagai usaha meningkatkan keselamatan di pusat tumpuan awam itu.

Dalam pada itu, Abu Seman maklumkan sebanyak sembilan kes jenayah dilaporkan melibatkan pusat beli-belah di seluruh negara sejak awal tahun ini dan sehubungan itu, perkara tersebut tidak wajar dipolitikkan mana-mana pihak kerana keselamatan adalah tanggungjawab bersama.

Mohamad memberitahu, sebanyak lebih 30 agensi yang keba-

nyakannya terdiri daripada syarikat milik penuh kerajaan, syarikat subsidiari kerajaan, syarikat pelabuhan dan pusat beli-belah di sekitar Lembah Klang menggunakan khidmat polis bantuan.

“Antaranya termasuk Petronas, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, bank-bank, Sunway Pyramid, Tropicana, Pavilion dan KLCC.

“Sehubungan itu, pengusaha-pengusaha perniagaan yang mahu menggunakan khidmat polis bantuan boleh membuat permohonan kepada KDN,” katanya.

Pengarah Jabatan Pengurusan, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Mortadza Nazarene baru-baru ini memaklumkan polis bantuan yang ditugaskan mengawal keselamatan hanya diberi kuasa untuk menahan penjenayah dan dikehendaki menyerahkan setiap kes kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan segera untuk tindakan lanjut.

Polis bantuan juga tidak diberi kuasa untuk melakukan sebarang soal siasat ke atas mana-mana penjenayah mahupun mengambil tindakan kekerasan ke atas mereka.